

Penguasaan Komponen Retorik Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Abdul Aziz bin Ibrahim

abazizibrahim@yahoo.com

Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah

Mohd Zaki bin Abdul Rahman

mzakirah@um.edu.my

Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya

Azhar bin Muhammad

azhar.my@umk.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah

ABSTRAK

Ilmu retorik atau *al-Balaghah* adalah salah satu komponen dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Arab peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Artikel ini bertujuan mengenal pasti penguasaan pelajar terhadap komponen tersebut merangkumi aspek persepsi, kefahaman dankekangan yang dihadapi pelajar. Fokus kajian terhadap topik *haqiqah* dan *majaz* termasuk sub topik *majaz mursal* dan *isti 'arah*. Kajian ini menggunakan metode kuantitatif secara deskriptif. Pengumpulan data menggunakan instrumen soal selidik dan ujian kefahaman yang dijalankan ke atas sampel yang dipilih secara rawak. Sampel melibatkan pelajar tingkatan lima seramai 100 orang daripada dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di negeri Kelantan. Dapatan kajian mendapati aspek-aspek yang diukur berada pada tahap yang sederhana. Hal ini menunjukkan tahap penguasaan pelajar terhadap komponen tersebut belum memuaskan. Dapatan juga menunjukkan pelajar menghadapi kekangan tertentu dalam menguasai komponen retorik bahasa Arab. Perkara ini secara langsung memberi kesan terhadap gaya dan prestasi pembelajaran dalam menguasai komponen tersebut. Dapatan juga menunjukkan topik *haqiqah* dan *majaz* paling senang dikuasai berada pada tahap mudah, diikuti topik *majaz mursal* berada pada tahap sederhana, manakala topik *isti 'arah* berada pada tahap sukar. Dapatan kajian ini dapat membantu pelbagai pihak terutama guru dalam mengatur strategi pengajaran komponen *balaghah* dengan lebih berkesan.

Kata Kunci: Komponen; ilmu retorik atau *al-Balaghah*; *haqiqah*; *majaz mursal*; *isti 'arah*

Mastery of Rhetoric or *Al-Balaghah* Component among the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Students

ABSTRACT

Rhetorical knowledge, also known as *al-balaghah*, is a component of the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) examination from the Malaysian Ministry of Education (KPM). This article aims to identify student mastery of this component in terms of the perceptions, understanding and limitations faced by students. This study especially focuses on the topics of *haqiqah* and *majaz*, including the subtopics of *majaz mursal* and *isti'arah*. The study employs a quantitative and descriptive method. Data collection techniques included questionnaires and comprehension test among a randomly selected sample. The sample used to represent the population was selected from among the Form Five students who will sit for the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). A total of 100 students were selected for the study sample. Ten students were also interviewed. Based on the findings, the authors found that the mastery level of secondary school students based on their perception of these topics as a whole was at a moderate level, while mastery of the topic was at a moderately low level. Findings for the constraint aspect on mastering the whole topic was also at a moderate level. This shows the mastery levels of the *haqiqah* and *majaz* topics and *majaz mursal* and *isti'arah* sub-topics among secondary students are not satisfactory, reflecting students' ability to master these topics. The findings also show that the *haqiqah* and *majaz* topics are easier to master at the elementary level, followed by *majaz mursal* topic at the moderate level, with the *isti'arah* topic at the difficult level.

Keywords: Component; rhetoric or *al-Balaghah*; *haqiqah*; *majaz mursal*; *isti'arah*.

PENDAHULUAN

Seperti kebanyakan bahasa, ilmu linguistik bahasa Arab terdiri daripada komponen-komponen seperti nahu (sintaksis), sarf (morphologi), balaghah (retorik), *dilalah* (semantik), perkamusuan (leksikografi) dan sebagainya. Umumnya, fungsi ilmu retorik atau balaghah bagi memahami dan menghayati kepelbagaian gaya bahasa Arab yang unik, kreatif dan puitis. Ia berhubung kait dengan elemen kesusasteraan yang menjadi salah satu keunikan mukjizat al-Quran pada aspek *al-I'jaz al-Bayaniyy*. Balaghah merupakan ilmu berkaitan dengan kebolehan seseorang itu untuk menggunakan dan menyampaikan ungkapan bertepatan dengan situasi dan lokasi melalui perkataan-perkataan yang fasih dan puitis di samping mengandungi makna-makna yang indah supaya benar-benar berkesan di jiwa pendengar (Ulama Al-Azhar, 1954:9). Menurut Siti Iqbal (1999:2) kitab suci al-Quran dipenuhi dengan unsur-unsur balaghah yang menunjukkan keunikan dan keindahan gaya bahasa melalui susunan ayat-ayat, kefasihan lafaz-lafaz dan keseragaman pola-polanya.

Menurut Kamus Dewan (2013:114), balaghah bermaksud petah dan fasih dalam percakapan. Manakala Glosari Bahasa dan Kesusastraan Arab (1996) pula mentakrifkan balaghah sebagai ilmu yang menghuraikan penampilan makna yang menarik melalui ungkapan yang tepat di samping memberi kesan yang mendalam serta bersesuaian dengan makna. Menurut al-Sayyid al-Hashimiyy (1991:40) dalam memperkenalkan balaghah: “*Balaghah bertujuan mengetahui keistimewaan dan keindahan susunan kalam daripada sudut makna dan lafaz. Ia juga berkaitan dengan cara-cara untuk menyusun dan menggunakan bahasa yang fasih, tepat dan sesuai mengikut fungsinya*”. Fadal Hasan ‘Abbas (1992:13) pula menyatakan bahawa balaghah ilmu yang meruntun perasaan dan mengesankan jiwa. Hal ini mempunyai hubungan secara langsung dengan pelbagai aspek kehidupan sama ada agama, masyarakat, politik dan sebagainya. Itulah *bayan* satu sihir yang halal. Berdasarkan beberapa pernyataan di atas, maka penguasaan terhadap komponen *balaghah* amat penting dalam kalangan penuntut dan pengkaji bahasa Arab. Hal ini dianggap sebagai ukuran kemahiran bahasa Arab yang baik bagi seseorang melalui gaya bahasa yang unik dan puitis.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Berdasarkan Kurikulum Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia, komponen ilmu retorik atau balaghah diperkenalkan kepada pelajar peringkat menengah bermula di tingkatan empat dan berkesinambungan ke tingkatan lima. Pada peringkat tersebut mereka akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), peperiksaan awam terpenting dalam sistem pendidikan negara. Antara topik yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Arab tersebut ialah *haqiqah* dan *majaz*. Hal ini juga diikuti topik *majaz mursal* dan *isti’arah* sebagai subtopik dalam bahasan *majaz* mengikut teori dalam ilmu balaghah.

Rasional kedudukan pengajaran komponen balaghah di peringkat menengah sebagaimana pernyataan berikut: “Asas untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran, kebolehan-kebolehan dan penghayatan pelajar terhadap bahasa Arab dari aspek keindahan bahasa, kesesuaian penggunaan dan perkaitannya dengan gaya bahasa-gaya bahasa yang baik. Antara matlamatnya, pelajar mampu menguasai kaedah asas ilmu balaghah dan mengaplikasinya mengikut fungsinya yang sesuai” (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009:15).

Kajian peringkat awal ini bertepatan untuk meninjau secara ilmiah dengan lebih dekat mengenai pembelajaran komponen balaghah dalam kalangan pelajar. Ia juga sekaligus membuka ruang kepada perbincangan yang lebih luas menjurus kepada tindakan dan langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran komponen balaghah dalam kalangan pelajar.

PEMBELAJARAN ELEMEN HAQIQAH DAN MAJAZ

Merujuk Sukatan Pelajaran bahasa Arab peringkat SPM, antara kandungan komponen *balaghah* ialah elemen *Haqiqah* dan *Majaz* yang berada dalam ilmu *al-Bayan*. Pelajar akan diperkenalkan dengan pengenalan (takrif) kedua-dua istilah ini. Seterusnya, dikemukakan penggunaannya dalam struktur ayat bagi menampakkan perbandingan antara kedua bentuk gaya bahasa ini. Perbincangan dilanjutkan melalui gaya bahasa *majaz* yang dibahagikan kepada *majaz mursal* dan *isti’arah*. Antara objektif pembelajaran *haqiqah* dan *majaz* ialah untuk mengaplikasi gaya bahasa berkenaan

dalam komunikasi serta mengeluarkan kaedah-kaedah yang betul dan sesuai bagi gaya bahasa *haqiqah* atau *majaz*. Manakala objektif pengajaran *majaz mursal* pula ialah mengenali *majaz mursal* dan kaitan-kaitannya (علاقه), mengemukakan contoh-contoh *majaz mursal* mengikut kaitan-kaitannya yang dikehendaki, mengeluarkan sebahagian contoh *majaz mursal* daripada al-Quran bersama keterangan kaitannya, dan mengeluarkan kaedah-kaedah yang betul dan sesuai bagi *majaz mursal*. Adapun elemen *isti'arah* pula ialah mengenali *isti'arah tasrihiyyah* dan *makniyyat*, menentukan antara dua jenis *isti'arah* tersebut dalam ayat atau perenggan, membina ayat mudah yang mengandungi dua jenis *isti'arah tasrihiyyah* dan *makniyyah*, membezakan antara dua jenis *isti'arah* tersebut, mengaplikasi gaya bahasa keduanya dalam komunikasi, dan mengeluarkan kaedah-kaedah yang sesuai bagi gaya bahasa *isti'arah* (Huraian Sukatan Pelajaran bahasa Arab Tingkatan Empat: 2009: 27). Antara aktiviti pembelajaran setiap kumpulan aras bagi setiap tajuk ialah mengadakan perbincangan mengenai topik *haqiqah* dan *majaz*; perbincangan mengenai topik *majaz mursal* dan kaitan-kaitannya, dan pembacaan ayat atau perenggan yang tertentu mengandungi *isti'arah tasrihiyyah* dan *isti'arah makniyyat*. Di samping itu aktiviti-aktiviti lain yang perlu dilakukan di dalam kelas ialah mengadakan aktiviti perbualan, pembacaan dan penulisan sama ada dalam bentuk lisan atau penulisan.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat mengemukakan maklumat mengenai penguasaan pelajar terhadap komponen berkenaan melalui topik yang dikaji. Melalui dapatan kajian diharapkan strategi-strategi tertentu dapat diambil dan dilaksanakan bagi meningkatkan motivasi pelajar terhadap pembelajaran komponen balaghah, terutama menerusi topik yang dikaji. Hasil dapatan kajian ini seterusnya akan dapat dimanfaatkan oleh para guru yang terlibat dalam pengajaran bahasa Arab terutama dalam mengatur strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Begitu juga oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam penyediaan Kurikulum Pendidikan Bahasa Arab yang lengkap dan bersepadan. Tumpuan kajian hanya memfokuskan pada komponen balaghah melalui topik *haqiqah* dan *majaz* beserta dua sub topik iaitu *majaz mursal* dan *isti'arah* yang berada dalam bahagian ilmu *bayan*.

PERNYATAAN MASALAH

Komponen balaghah sebagai satu cabang ilmu dalam linguistik bahasa Arab perlu seiring dengan komponen-komponen lain seperti seperti nahu (sintaksis), *sarf* (morfologi), semantik (*dilalah*) dan sebagainya. Ia juga sebahagian daripada kurikulum pendidikan bahasa Arab di peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperuntukkan sebanyak lebih kurang 20 peratus daripada markah keseluruhan kertas bahasa Arab. Justeru, topik *haqiqah* dan *majaz* dalam komponen *balaghah* menjadi satu keperluan untuk dikuasai oleh setiap pelajar bagi memperolehi gred yang terbaik dalam kertas bahasa Arab. Namun, berdasarkan sorotan literatur terhadap kajian-kajian lepas mendapat pembelajaran komponen balaghah dalam kalangan pelajar secara umumnya dilihat kurang memberangsangkan. Dapatan ini juga disokong oleh pemerhatian yang dilakukan

dan pengalaman oleh penulis. Faktor utama disebabkan persepsi sebahagian pelajar bahawa komponen ini sebagai suatu yang kompleks dan sukar, selain terpaksa berhadapan dengan pemahaman teks-teks al-Quran, Hadith, puisi (*sha 'ir*) dan prosa (*nathar*) Arab (klasik dan moden). Fenomena ini secara langsung menjadikan prestasi pelajar terhadap komponen balaghah khususnya dan bahasa Arab umumnya tidak memuaskan. Justeru, artikel ini dikemukakan untuk meninjau sejauh mana penguasaan pelajar terhadap topik yang dikaji berdasarkan aspek persepsi, kefahaman dan kekangan. Hal ini secara tidak langsung menggambarkan penguasaan komponen balaghah secara umumnya.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan meninjau tahap penguasaan pelajar terhadap komponen balaghah. Tinjauan bagi mengenal pasti persepsi pelajar dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti 'arah*. Begitu juga bagi menjelaskan tahap kefahaman pelajar mengenai topik yang dikaji. Selain itu merumuskan kekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai topik yang dikaji.

SOROTAN KAJIAN

Terdapat beberapa kajian yang telah dibuat berkaitan penguasaan pelajar terhadap ilmu balaghah secara umum yang dijadikan sandaran kepada kajian ini. Antaranya Azhar (2006) melalui kajian bertajuk “*Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*”. Kajian bertujuan mengetahui persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab, mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran ilmu retorik Arab dan mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ilmu retorik Arab dalam kalangan pelajar dan pengaplikasianya dalam gaya bahasa mereka. Dapatkan kajian menyatakan bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab ini masih lagi berada pada kedudukan yang sederhana walaupun kebanyakan pelajar berminat mempelajari ilmu ini. Perkaitan kajian tersebut dengan kajian penulis, ia meninjau tahap penguasaan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab secara umum sementara kajian yang akan dilakukan penulis satu tinjauan tahap penguasaan pelajar terhadap ilmu balaghah dengan lebih khusus melalui topik *haqiqah* dan *majaz*.

Begitu juga, kajian Azhar (2006) bertajuk “*Pembelajaran Balaghah Arab di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): Satu Kajian Kes*” mendapati pelajar mempunyai kesediaan positif dan berminat untuk mempelajari ilmu *balaghah*. Kefahaman mereka mengenai kedudukan ilmu *balaghah* sebagai ilmu yang membincangkan keindahan gaya bahasa dan kesusastraan Arab adalah jelas. Penguasaan pelajar terhadap pembelajaran *balaghah* di peringkat pensijilan STAM berada pada tahap yang baik, tetapi agak terbatas kerana didapati tidak dapat mengaplikasikannya di luar daripada konteks pembelajaran di dalam kelas.

Manakala Anuar (t.t) telah menjalankan kajian bertajuk “*Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah di Sekolah Agama Rakyat (SAR) Negeri Melaka*”. Ia bertujuan untuk melihat persepsi dan penguasaan pelajar Sekolah Agama Rakyat (SAR) di negeri Melaka terhadap bahasa Arab khususnya ilmu balaghah serta mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh mereka dalam pembelajaran. Dapatkan kajian ini mengatakan majoriti pelajar tidak mempunyai minat untuk mempelajari ilmu retorik Arab atau *balaghah*. Pelajar juga didapati tidak mempunyai

kesedaran yang tinggi terhadap kewujudan ilmu balaghah dan juga kewujudan pengajian ilmu balaghah dalam kertas Bahasa Arab Tinggi SPM.

Selain itu, Rosni dan Mohammad Marwan (2006) telah menjalankan kajian bertajuk “*Penguasaan Al-Balaghah dan Permasalahannya di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): Kajian Di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor*” oleh. Rumusan kajian yang diperolehi ialah tahap penguasaan pelajar bagi subjek *balaghah* di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor adalah lemah. Beberapa pemasalahan yang mengekang proses pembelajaran subjek tersebut dalam kalangan pelajar iaitu proses dan kaedah pembelajaran, buku teks dan sikap pelajar itu sendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini berasaskan kaedah tinjauan deskriptif (kajian lapangan) bertujuan meninjau dan mengenal pasti jawapan berkaitan penguasaan pelajar terhadap topik yang dikaji. Instrumen kajian melalui soal selidik dan ujian kefahaman, manakala persampelan yang digunakan secara rawak mudah. Kerangka teknik soal selidik dan teknik ujian kefahaman *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti 'arah* menggunakan beberapa modul pengkaji sebelum ini yang menjadi rujukan penulis. Kesahan dan kebolehpercayaan item soal selidik dan ujian kefahaman diperolehi melalui pengesahan dua pakar luar yang berkaitan di samping penyelia kajian. Responden dikehendaki menjawab semua item yang disediakan melalui instrumen berkenaan. Sebagai kajian yang bersifat tinjauan awal, responden kajian sebanyak 100 orang melibatkan pelajar tingkatan lima daripada dua lokasi berkenaan. Pada aspek persepsi, tema-tema soal selidik yang diuji seperti maklumat am berkaitan topik yang dikaji, kefahaman konsep, kemampuan mengaplikasi, kemampuan menganalisis, membandingkan topik dengan unsur dalam bahasa Melayu (BM) dan menghubungkan topik dengan al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab.

Pada aspek kefahaman, data-data diperolehi melalui ujian yang dijalankan. Ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pengetahuan umum responden terhadap topik kajian dan penguasaan responden terhadap topik berdasarkan format soalan kertas bahasa Arab peperiksaan SPM. Sebanyak 9 item soalan dikemukakan kepada responden untuk memperolehi data-data yang dikehendaki berkaitan pengetahuan umum responden terhadap topik kajian dan 10 item soalan dikemukakan kepada responden untuk memperolehi data-data yang dikehendaki berkaitan penguasaan responden terhadap topik berdasarkan format soalan kertas bahasa Arab peperiksaan SPM. Item-item tersebut dibahagikan kepada beberapa konstruk yang menjurus ke arah data yang dimaksudkan.Tema-tema ujian kefahaman yang diuji pada bahagian pertama penguasaan latar belakang dan konsep (definisi) *haqiqah* dan *majaz* (soalan 1-5), kefahaman istilah (soalan 6-7), kefahaman konsep (definisi) *majaz mursal* dan *isti 'arah* (soalan 8-9). Pada bahagian kedua menentukan ayat *haqiqah* atau *majaz* (soalan 1-5), menentukan *qarinah* pada ayat *majaz* (soalan 6), menerangkan ‘*alaqah majaz mursal* pada perkataan bergaris dalam ayat (soalan 7-8) dan menerangkan jenis *isti 'arah* pada ayat (soalan 9-10). Manakala pada aspek kekangan, tema-tema soal selidik yang diuji seperti kekangan mengenai kesesuaian kandungan buku teks dan bahan rujukan, kekangan mengenai kesesuaian masa yang diperuntukkan, kekangan mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar, kekangan melakukan persediaan awal dan mengulangkaji topik yang dipelajari dan kekangan menghubungkan topik yang dikaji dengan bidang dan unsur bahasa yang lain.

Kaedah penganalisisan data menggunakan pengaturcaraan *IBM Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* versi 20. Data-data yang diperolehi seterusnya diinterpretasi kepada suatu

yang bermakna mengikut objektif dan persoalan kajian. Tatacara penganalisisan data kuantitatif adalah seperti berikut:

JADUAL 1. Interpretasi Skor Min

Skor min	Tahap
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Nunnally dan Bernstein (1994)

DAPATAN KAJIAN

Demografi Pelajar

Demografi pelajar berpandukan jadual 2 mengandungi item-item berikut:

JADUAL 2. Dapatan Taburan Demografi Pelajar

Bil	Item	Pernyataan	Kekerapan	Peratus
1	Jantina	Lelaki	25	25
		Perempuan	75	75
		A	41	41
2	Pencapaian PMR	B	39	39
		C	19	19
		D	1	1
3	Pencapaian akhir tahun tingkatan empat		4	4
		80-100	4	4
		70-90	7	7
		65-69	12	12
		60-64	19	19
		50-59	32	32
		40-49	22	22
		0-39		
4	Sebab memilih SMKA			
		Kesedaran sendiri	79	79
		Paksaan ibu bapa	13	13
		Mengikut rakan	5	5
		Lain-lain	3	3
5	Menyedari BA subjek teras	Ya	95	95
		Tidak	5	5
6	Minat belajar BA			
		Minat	3	3
		Kurang minat	62	62
		Tidak minat	38	38

Dari aspek jantina, seramai 25 peratus adalah daripada responden lelaki dan 75 peratus adalah perempuan. Dari aspek prestasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar, perbandingan antara pencapaian peringkat PMR dan pencapaian akhir tahun peringkat tingkatan empat, dapatkan menunjukkan pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan SPM mempunyai pencapaian yang berbagai-bagai dan tidak konsisten. Pada aspek sebab memilih SMKA, dapatkan menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai kesedaran yang tinggi untuk memasuki SMKA. Kebanyakan pelajar juga menyedari bahawa bahasa Arab adalah subjek teras di SMKA. Pada item minat mempelajari bahasa Arab, dapatkan menunjukkan bahawa kebanyakan responden kurang berminat. Berdasarkan dapatkan, sesuatu langkah perlu dilakukan untuk mengenal pasti masalah tersebut agar dapat menyemai minat terhadap bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Ini kerana motivasi atau minat menjalankan sesuatu aktiviti merupakan faktor penting untuk berjaya.

Persepsi Pelajar Dalam Mempelajari Topik

Analisis Data Soal Selidik Persepsi

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap topik yang dikaji. Hampir keseluruhan item yang diuji berada pada tahap yang sederhana. Hanya 3 item menunjukkan tahap tinggi iaitu 1,4 dan 22. Semua tema menunjukkan tahap sederhana iaitu tema maklumat am berkaitan topik yang dikaji, kefahaman konsep, kemampuan mengaplikasi, kemampuan menganalisis, membandingkan topik dengan unsur dalam bahasa Melayu (BM) dan menghubungkan topik dengan al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab. Hasil analisis yang dijalankan mendapatkan persepsi pelajar terhadap topik yang dikaji umumnya berada pada tahap sederhana. Dapatkan kajian dijelaskan seperti dalam jadual di bawah.

JADUAL 3. Dapatkan Taburan Soal Selidik Persepsi Pelajar Dalam Mempelajari Topik Kajian

Bil	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
1	Saya menyedari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> terdapat dalam komponen ilmu Balaghah bahasa Arab	1 (1%)	2 (2%)	10 (10%)	21 (21%)	45 (45%)	4.26
2	Saya memahami objektif mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	3 (3%)	0 (0%)	20 (20%)	55 (55%)	22 (22%)	3.98
3	Saya memahami faedah mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	2 (2%)	32 (32%)	49 (49%)	16 (16%)	3.77
4	Saya sangat berminat untuk mengetahui keunikan unsur balaghah pada topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	2 (2%)	23 (23%)	39 (39%)	34 (34%)	4.01
5	Saya sentiasa positif untuk mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	0 (0%)	4 (4%)	17 (17%)	57 (57%)	22 (22%)	3.97
6	Saya menyedari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> terletak pada bahagian ilmu <i>bayan</i>	1 (1%)	11 (11%)	60 (60%)	17 (17%)	11 (11%)	3.26
7	Saya menyedari <i>majaz mursal</i> adalah sub topik di bawah bahasan <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	4 (4%)	42 (42%)	40 (40%)	12 (12%)	3.56
8	Saya menyedari <i>isti'arah</i> adalah sub topik di bawah bahasan <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	3 (3%)	5 (5%)	36 (36%)	41 (41%)	15 (15%)	3.60

9	Saya mengetahui bahawa topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> merupakan asas sebelum mempelajari <i>majaz mursal</i>	3 (3%)	6 (6%)	30 (30%)	44 (44%)	17 (17%)	3.66
10	Saya mengetahui bahawa topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> merupakan asas sebelum mempelajari <i>isti'arah</i>	2 (2%)	7 (7%)	34 (34%)	42 (42%)	15 (15%)	3.61
11	Saya dapat menerangkan konsep (definisi) <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	10 (10%)	43 (43%)	37 (37%)	9 (9%)	3.43
12	Saya dapat menerangkan konsep (definisi) <i>majaz mursal</i>	2 (2%)	11 (11%)	56 (56%)	21 (21%)	10 (10%)	3.26
13	Saya dapat menerangkan konsep (definisi) <i>isti'arah</i>	3 (3%)	11 (11%)	57 (57%)	22 (22%)	7 (7%)	3.19
14	Saya dapat mengaplikasi keunikan topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> dalam latihan dan ujian	0 (0%)	9 (9%)	39 (39%)	44 (44%)	8 (8%)	3.51
15	Saya dapat mengaplikasi keunikan <i>majaz mursal</i> dalam latihan dan ujian	2 (2%)	8 (8%)	41 (41%)	39 (39%)	10 (10%)	3.47
16	Saya dapat mengaplikasi keunikan <i>isti'arah</i> dalam latihan dan ujian	2 (2%)	9 (9%)	49 (49%)	35 (35%)	5 (5%)	3.32
17	Saya dapat membezakan ' <i>alaqat</i> (hubungan) <i>majaz mursal</i> menerusi soalan latihan yang dikemukakan	3 (3%)	13 (13%)	49 (49%)	28 (28%)	7 (7%)	3.23
18	Saya dapat membezakan jenis <i>isti'arah</i> menerusi soalan latihan yang dikemukakan	0 (0%)	9 (9%)	55 (55%)	28 (28%)	8 (8%)	3.35
19	Saya dapat membuat perbandingan antara topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> dengan unsur bahasa Melayu	2 (2%)	4 (4%)	31 (31%)	49 (49%)	14 (14%)	3.69
20	Saya dapat membuat perbandingan antara <i>majaz mursal</i> dengan unsur bahasa Melayu	3 (3%)	4 (4%)	37 (37%)	43 (43%)	13 (13%)	3.59
21	Saya dapat membuat perbandingan antara <i>isti'arah</i> dengan unsur bahasa Melayu	1 (1%)	6 (6%)	44 (44%)	33 (33%)	16 (16%)	3.57
22	Saya menyedari bahawa al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab kaya dengan unsur-unsur <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	1 (1%)	11 (11%)	49 (49%)	37 (37%)	4.18
23	Saya dapat menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab menerusi topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> yang dipelajari	0 (0%)	4 (4%)	21 (21%)	48 (48%)	27 (27%)	3.98
24	Saya dapat menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab menerusi <i>majaz mursal</i> yang dipelajari	1 (1%)	4 (4%)	35 (35%)	41 (41%)	19 (19%)	3.73
25	Saya dapat menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith, puisi dan prosa Arab menerusi <i>isti'arah</i> yang dipelajari	1 (1%)	2 (2%)	43 (43%)	36 (36%)	18 (18%)	3.68

Kefahaman Pelajar Dalam Mempelajari Topik

Analisis Instrumen Ujian kefahaman

Objektif kedua kajian ini adalah untuk mengenal pasti kefahaman pelajar terhadap topik yang dikaji. Hasil analisis yang dijalankan mendapati kefahaman pelajar terhadap topik yang dikaji umumnya berada pada tahap sederhana. Hal ini dijelaskan seperti berikut:

1. Pengetahuan umum responden terhadap topik yang kaji

Tema-tema yang menunjukkan tahap yang sederhana iaitu penguasaan latar belakang dan konsep (definisi) *haqiqah* dan *majaz*, penguasaan istilah “*'alaqah*” dan “*qarinah*” dan

penguasaan konsep (definisi) topik *majaz mursal* dan *isti'arah*. Manakala tema-tema yang menunjukkan tahap sederhana rendah (amat kurang memuaskan) ialah menentukan “*qarinah*” pada ayat *majaz* dan menerangkan jenis *isti'arah* pada ayat.

2. Penguasaan responden terhadap topik berdasarkan format soalan kertas Bahasa Arab peperiksaan SPM

Tema-tema yang menunjukkan tahap yang baik ialah kedudukan topik *haqiqah* dan *majaz* dalam ilmu balaghah dan pengertian *haqiqah* dari segi bahasa dan istilah. Namun, tema-tema yang menunjukkan tahap yang sederhana ialah menentukan ayat-ayat *haqiqah* atau *majaz* dan menerangkan ‘*alaqah majaz mursal* pada perkataan yang bergaris dalam ayat. Manakala tema-tema yang menunjukkan tahap yang sederhana rendah (amat kurang memuaskan) ialah menentukan “*qarinah*” pada ayat *majaz* dan menerangkan jenis *isti'arah* pada ayat. Dapatkan kajian dijelaskan seperti dalam jadual 4 dan 5 di bawah.

JADUAL 4. Taburan Kekerapan dan Peratusan Melalui Pengetahuan Umum Pelajar Terhadap Topik

Bil	Item Soalan	Salah		Betul	
		Kekerapan	%	Kekerapan	%
1	Topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> dalam ilmu balaghah termasuk dalam bahagian...	8	(8%)	92	(92%)
2	Pengertian <i>haqiqah</i> dari segi bahasa ialah...	6	(6%)	94	(94%)
3	Pengertian <i>haqiqah</i> dari segi istilah ilmu balaghah ialah...	9	(9%)	91	(91%)
4	Pengertian <i>majaz</i> dari segi bahasa ialah...	56	(56%)	44	(44%)
5	Pengertian <i>majaz</i> dari segi istilah ilmu balaghah ialah..	34	(34%)	66	(66%)
6	Makna “‘ <i>alaqat</i> ’’ (علاقة) ialah...	66	(66%)	34	(34%)
7	Makna “‘ <i>qari:nat</i> ’’ (قرية) ialah...	47	(47%)	53	(53%)
8	Definisi <i>majaz mursal</i> (مجاز مرسلاً) ialah...	45	(45%)	55	(55%)
9	Definisi <i>isti'arah</i> (مجاز استعارة) ialah...	66	(66%)	34	(34%)

JADUAL 5. Taburan Kekerapan dan Peratusan Bagi Konstruk Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Topik Haqiqah Dan Majaz Berdasarkan Format Soalan Kertas Bahasa Arab Peperiksaan SPM

Bil.	Item Soalan	Salah		Betul	
		Kekerapan	%	Kekerapan	%
1	أصبحت الزهور مبتسمة في الحديقة	42	(42%)	58	(58%)
2	تسليم المتفقون جوازهم من الوزير	33	(33%)	67	(57%)

3	أنشد الأنصار: "طَلَعَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا مِنْ ثَيَّاتِ الْوَدَاعِ"	22	(22%)	78	(78%)
4	الفتاة تسرح شعرها أمام المرأة	37	(37%)	63	(63%)
5	يعيش الأسد في الغابة	38	(38%)	62	(62%)
6	عين القريبة في المجاز الآتي: "اجتمعت البحار في قاعة الندوة"	85	(85%)	15	(15%)
7	شرب المصربون ماء النبيل	61	(61%)	39	(39%)
8	قال الله تعالى : {وَيَنْزَلُ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ رِزْقًا}	39	(39%)	61	(61%)
9	قال الحجاج : "إِنَّ لَأْرَى رَوْسًا قَدْ أَيْنَتْ وَحَانَ قَطَافُهَا"	56	(56%)	44	(44%)
10	قال الله تعالى : {كَتَابٌ أَنزَلْنَا إِلَيْكُمْ لِتَخْرُجَ النَّاسُ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ}	57	(57%)	43	(43%)

Kekangan Yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Menguasai Topik

Analisis Data Instrumen Soal Selidik

Objektif ketiga kajian ini adalah untuk mengenal pasti kekangan pelajar terhadap topik yang dikaji. Hampir keseluruhan item yang diuji berada pada tahap yang sederhana. Hanya 4 item menunjukkan skor min tahap tinggi iaitu 2, 3, 7 dan 17. Semua tema menunjukkan tahap sederhana iaitu tema tema-soal selidik yang diuji seperti kekangan mengenai kesesuaian kandungan buku teks dan bahan rujukan, kekangan mengenai kesesuaian masa yang diperuntukkan, kekangan mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar, kekangan melakukan persediaan awal dan mengulangkaji topik yang dipelajari dan kekangan menghubungkan topik yang dikaji dengan bidang dan unsur bahasa yang lain. Oleh itu, hasil analisis yang dijalankan mendapatkan item kekangan pelajar terhadap topik yang dikaji umumnya berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian dijelaskan seperti dalam jadual 6 di bawah.

JADUAL 6. Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Konstruk
 Kekangan Yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Menguasai Topik

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
1	Saya mempunyai persepsi yang positif mengenai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	2 (2%)	25 (25%)	51 (51%)	21 (21%)	3.89
2	Saya sangat berminat untuk mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	1 (1%)	13 (13%)	58 (58%)	28 (28%)	4.05
3	Saya menyedari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> berkait rapat dengan keunikan gaya bahasa al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab	2 (2%)	2 (2%)	11 (11%)	51 (51%)	34 (34%)	4.13
4	Saya melihat kandungan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> bersesuaian dengan sukanan mata pelajaran	1 (1%)	5 (5%)	22 (22%)	57 (57%)	15 (15%)	3.80
5	Saya melihat kandungan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai <i>majaz mursal</i> bersesuaian dengan sukanan mata pelajaran	2 (2%)	5 (5%)	32 (32%)	46 (46%)	15 (15%)	3.67
6	Saya berpandangan kandungan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks	2 (2%)	2 (2%)	36 (36%)	49 (49%)	11 (11%)	3.65

	mengenai <i>isti'arah</i> bersesuaian dengan sukanan mata pelajaran					
7	Selain buku teks, saya juga dibekalkan dengan bahan rujukan lain dalam pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	3 (3%)	2 (2%)	20 (20%)	48 (48%)	29 (29%)
8	Saya dapat mengaitkan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> dengan format soalan SPM	1 (1%)	5 (5%)	24 (24%)	48 (48%)	22 (22%)
9	Saya dapat mengaitkan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai <i>majaz mursal</i> dengan format soalan SPM	2 (2%)	4 (4%)	37 (37%)	42 (42%)	15 (15%)
10	Saya dapat mengaitkan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai <i>isti'arah</i> dengan format soalan SPM	2 (2%)	4 (4%)	37 (37%)	42 (42%)	15 (15%)
11	Saya berpandangan masa yang diperuntukkan dalam jadual waktu untuk pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> mencukupi dan sesuai	2 (2%)	11 (11%)	35 (35%)	43 (43%)	9 (9%)
12	Saya berpandangan masa yang diperuntukkan dalam jadual waktu untuk pembelajaran <i>majaz mursal</i> mencukupi dan sesuai	1 (1%)	10 (10%)	34 (34%)	47 (47%)	8 (8%)
13	Saya berpandangan masa yang diperuntukkan dalam jadual waktu untuk pembelajaran <i>isti'arah</i> mencukupi dan sesuai	3 (3%)	9 (9%)	31 (31%)	43 (43%)	14 (14%)
14	Saya berpandangan guru mengaplikasi pelbagai kaedah dalam pengajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	7 (7%)	22 (22%)	43 (43%)	28 (28%)
15	Saya kerap bertanya guru jika timbul persoalan mengenai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	3 (3%)	12 (12%)	35 (35%)	37 (37%)	13 (13%)
16	Saya dapat menerima penerangan yang digunakan guru dalam mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	5 (5%)	26 (26%)	42 (42%)	26 (26%)
17	Saya dapat menerima kaedah pengajaran yang digunakan guru dalam mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	6 (6%)	15 (15%)	48 (48%)	30 (30%)
18	Saya sentiasa berbincang dengan rakan-rakan mengenai pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	9 (9%)	32 (32%)	41 (41%)	17 (17%)
19	Saya lebih suka guru banyak menggunakan bahasa Arab daripada bahasa Melayu semasa pengajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	7 (7%)	22 (22%)	35 (35%)	26 (26%)	10 (10%)
20	Saya melakukan bacaan awal sebelum proses pengajaran dan pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> berlangsung	1 (1%)	19 (19%)	45 (45%)	28 (28%)	7 (7%)

21	Saya melakukan ulang kaji dan latihan selepas proses pengajaran dan pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	9 (9%)	37 (37%)	43 (43%)	11 (11%)	3.56
22	Saya bersetuju penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab membantu saya menguasai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	6 (6%)	24 (24%)	54 (54%)	16 (16%)	3.80
23	Saya bersetuju penguasaan nahu dan saraf membantu saya menguasai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	2 (2%)	30 (30%)	49 (49%)	19 (19%)	3.85
24	Saya lebih memahami topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> apabila dikaitkan dengan unsur dalam bahasa Melayu	1 (1%)	4 (4%)	25 (25%)	45 (45%)	25 (25%)	3.89
25	Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) oleh guru dapat membantu saya dalam pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	5 (5%)	21 (21%)	37 (37%)	35 (35%)	3.98

PERBINCANGAN

Aspek Persepsi

Item-item yang diuji menunjukkan maklumat am pelajar terhadap topik yang dikaji agak terhad. Mereka kurang menyedari kedudukan topik *haqiqah* dan *majaz* berada dalam bahagian ilmu *bayan*, begitu juga perkaitan topik *majaz mursal* dan *isti 'arah* dengan bahasan *haqiqah* dan *majaz*. Di samping itu, pelajar dilihat kurang yakin dapat menerangkan konsep (definisi) *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti 'arah* dan kurang yakin dapat mengaplikasi keunikan topik tersebut dalam latihan dan ujian yang dijalankan.

Selain itu, pelajar juga didapati mempunyai persepsi kurang yakin terhadap kemampuan untuk menganalisis topik yang dikaji melalui konstruk membezakan antara '*alaqah* (kaitan) *majaz mursal* dan jenis *isti 'arah* menerusi soalan latihan yang dikemukakan dan kurang yakin terhadap kemampuan mereka membuat perbandingan dan menghubungkan antara topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti 'arah* dengan unsur dalam bahasa Melayu. Mereka juga mempunyai persepsi kurang yakin terhadap kemampuan menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith, puisi dan prosa Arab menerusi topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti 'arah* yang dipelajari. Persepsi kurang yakin dalam kalangan pelajar menerusi konstruk yang diuji jelas menunjukkan bahawa pengetahuan dan kefahaman mereka terhadap topik yang dikaji agak terbatas dan tidak memuaskan. Ia juga menunjukkan para pelajar mempunyai kekangan tertentu dalam mempelajari topik tersebut.

Aspek Kefahaman

Perbincangan aspek kefahaman berdasarkan tema-tema berikut:

1. Pengetahuan umum responden terhadap topik yang kaji

Item-item yang diuji memperlihatkan kepada kita penguasaan pelajar terhadap topik umumnya berada pada tahap sederhana atau kurang memuaskan walaupun pernyataan konsep (definisi) *majaz* sama ada dari segi bahasa atau istilah berada pada tahap baik. Di samping itu, pelajar juga didapati tidak dapat menguasai istilah '*alaqah* dan *qarinah* dengan baik sedangkan kedua-duanya

merupakan asas bagi menguasai *majaz*. Disebabkan pelajar menghadapikekangan dalam menguasai asas *majaz*, mereka juga berhadapan dengan kekangan dalam menguasai konsep (definisi) topik *majaz mursal* dan *isti'arah* kerana kedua-duanya sebahagian daripada *majaz*, malah bahasan kedua-duanya lebih kompleks berbanding *haqiqah* dan *majaz*.

2. Penguasaan responden terhadap topik berdasarkan format soalan kertas Bahasa Arab peperiksaan SPM

Walaupun format soalan bagi menentukan ayat sama ada *haqiqah* atau *majaz* berada pada aras mudah, namun disebabkan pelajar tidak dapat menguasai *majaz* dengan baik memperlihatkan penguasaan mereka tidak memuaskan apabila jurang perbezaan antara respon betul dan salah adalah sedikit. Begitu juga penguasaan pelajar terhadap '*alaqah majaz mursal*' menunjukkan prestasi yang sederhana dan tidak konsisten. Penguasaan kebanyakan pelajar terhadap mengaplikasi "*qarinah*" melalui format soalan tersebut lebih rendah berbanding penguasaan istilah *qarinah* pada aspek persepsi sebelumnya. Begitu juga penguasaan format soalan menerangkan jenis *isti'arah* lebih rendah berbanding penguasaan menerangkan '*alaqah majaz mursal*'. Ia jelas memperlihatkan penguasaan *majaz* dalam kalangan pelajar yang terhad dan tidak memuaskan, selain itu menunjukkan *isti'arah* lebih sukar dikuasai berbanding *majaz mursal*.

Aspek Kekangan

Berdasarkan dapatan analisis data responden mengenai kekangan yang dihadapi pelajar dalam menguasai topik yang dikaji menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara. Kebanyakan tema yang diuji berada pada tahap yang sederhana melainkan skor min item tertentu seperti 2, 3, 7 dan 17 berada pada tahap tinggi. Tema-tema kekangan yang diperolehi berada pada tahap yang sederhana ialah tema-tema soal selidik yang diuji seperti kekangan mengenai kesesuaian kandungan buku teks dan bahan rujukan, kekangan mengenai kesesuaian masa yang diperuntukkan, kekangan mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar, kekangan melakukan persediaan awal dan mengulangkaji topik yang dipelajari dan kekangan menghubungkan topik yang dikaji dengan bidang dan unsur bahasa yang lain. Oleh itu, secara umumnya menunjukkan pelajar menghadapi kekangan dalam menguasai topik yang dikaji.

RUMUSAN DAN CADANGAN PENYELIDIKAN AKAN DATANG

Kajian ini merumuskan bahawa penguasaan topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah* dalam kalangan pelajar menengah peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berada pada tahap sederhana dan masih kurang memuaskan. Ini berdasarkan kebanyakan tema yang diperolehi melalui aspek-aspek yang diuji berada pada tahap yang sederhana dan sederhana rendah. Kajian juga merumuskan bahawa pelajar menghadapi kekangan dalam menguasai topik yang dikaji.

Di sini dikemukakan beberapa cadangan menerusi kajian ini khususnya bagi penyelidikan yang akan datang:

- i. Konteks pelajar Melayu, topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah* yang berada dalam ilmu *bayan* perlu diajar selepas pengajaran ilmu *ma'ani*. Ini kerana ilmu *ma'ani* lebih dekat dengan pengetahuan pelajar kerana ia berkaitan dengan kaedah nahu yang membincarkan tentang pembentukan dan pengolahan ayat yang dipelajari sebelumnya. Ilmu *bayan*

pula merangkumi makna *majazi* (tersirat) di mana ia memerlukan pelajar yang telah mempunyai kemahiran dalam struktur ayat.

ii. Pengajaran dan pembelajaran topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti 'arah* perlu diintegrasikan dengan komponen dan kemahiran bahasa Arab yang lain seperti kefahaman, nahu, karangan (*insya'*) dan sebagainya. Penerapan komponen balaghah dalam pengajaran bahasa Arab menjadikannya lebih menarik melalui contoh-contoh yang puitis dan mengesankan.

iii. Pengajaran topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti 'arah* memerlukan contoh yang pelbagai dan bersesuaian dengan tahap pelajar Melayu peringkat menengah. Sebagai contoh yang paling dekat dengan mereka ialah al-Quran dan Hadith dan frasa-frasa mudah yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan harian pelajar sama ada melalui percakapan atau penulisan. Penulis berpandangan teks-teks puisi (*sha 'ir*) tidak terlalu diberi penekanan pada peringkat ini yang mungkin mewujudkan persepsi negatif dalam kalangan pelajar.

iv. Kedudukan topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti 'arah* peringkat menengah amat terhad iaitu hanya berada dalam komponen ilmu balaghah bagi mata pelajaran bahasa Arab. Oleh itu, guru disarankan agar bijak mengolah pangajaran komponen ini bagi mencapai objektifnya. Ia tentunya perlu disepadukan dengan komponen-komponen lain seperti nahu, saraf dan sebagainya supaya lebih berkesan.

v. Memperbanyakkan latihan adalah salah satu daripada saranan sarjana pendidikan. Dalam mempelajari topik ini, guru disarankan supaya memperbanyakkan latihan sama ada melalui penulisan dan hafalan kepada pelajar seperti latihan praktikal yang dapat membantu mereka mengingati apa yang pelajari. Teknik pengulangan perlu dilaksanakan agar unsur balaghah ini sebatی dengan diri pelajar yang mampu merasai nilai-nilai seni dan keindahannya berdasarkan topik yang dipelajari.

vi. Kajian yang dijalankan secara topikal membuka lembaran baharu dalam kalangan pengkaji bahasa Arab untuk menjalankan kajian berikutnya. Kajian secara topikal seperti ini dilihat lebih realistik dan terfokus berbanding beberapa kajian sebelum ini yang hanya mengukur penguasaan komponen balaghah bersifat umum. Semoga ia menjadi pemangkin ke arah penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran komponen balaghah secara khusus dan bahasa Arab secara umum.

RUJUKAN

- Al-'Abbas, Fadal Hasan. (1987). *Al-Balaghah Fununuha Wa Afnanuha* (2). Irbid Jordan Dar al-Furqan.
- Al-'Aliyy, Faisal Hussin. (1998). *Al-Murshid Al-Fanniy Li Tadris Al-Lughah Al-Arabiyyah*. Amman Jordan, Maktabah Dar al-Thaqafah.
- Anuar bin Sopian. (t.t.). *Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah Di Sekolah Agama Rakyat (SAR) Negeri Melaka*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam.
- Azhar bin Muhammad. (2006). *Pembelajaran Balaghah Arab Di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis PhD. Universiti Malaya, Fakulti Bahasa Dan Linguistik.

- Azhar bin Muhammad, Abdul Hafiz bin Abdullah, Bushrah binti Basiron, Kamarul Azmi bin Jasmi dan Sulaiman Shakib bin Mohd Noor.(2006). *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*. Universiti Teknologi Malaysia, Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1996). *Glosari Bahasa Dan Kesusastraan Arab*. Ampang Selangor: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Bandar Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur: Percetakan Rina Sdn. Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)-Sukatan Pelajaran Bahasa Arab*. Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Sukatan Pendidikan Islam Dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Tingkatan Empat*. Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Sukatan Pendidikan Islam Dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral.
- Nunnally dan Bernstein .(1994). *Psychometric Theory*. Ed. Ke . New York: McGraw Hall.
- Rosni bin Samah et al. (2006). *Penguasaan “Al-Balaghah” Dan Permasalahannya Di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (Kajian Di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor*. Kolej Universiti Islam Malaysia, Laporan penyelidikan.
- Sayyid Ahmad Hashimiyy. (1991). *Jawahir Al-Balaghah Fi Al- Ma’aniy Wa Al- Bayan Wa Al-badi’*. Beirut Lubnan, Dar al-Fikr.
- Siti Iqbal (1999). *Analisis Gaya Bahasa Al-Insyaa Dalam Surah An-Nur*. Universiti Malaya Kuala Lumpur, Fakulti Bahasa Dan Linguistik.
- Ulama Azhar (1954). *Al-Balaghah Al-Arabiah*. Kaherah, Al-Matba‘ah Muhammad ‘Ally Subaih.

Penulis

Abdul Aziz bin Ibrahim ialah pelajar pascasiswazah peringkat Ijazah Kedoktoran di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (PBI) Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Mohd. Zaki bin Abdul Rahman ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya Kuala Lumpur (UM). Beliau berkepakaran dalam bidang Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (TASL).

Azhar Muhammad merupakan Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkepakaran dalam bidang Bahasa Arab dan Pendidikan Islam. Beliau juga merupakan Pengarah Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan.